

19/03/1999

MCA sifatkan perbuatan golongan nakal

PELABUHAN BARAT, Khamis - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyifatkan perbuatan menyebarkan fitnah yang mengancam keselamatan termasuk mengajak orang Islam membunuh sebagai tindakan golongan yang berniat niat jahat untuk menghuru-harakan masyarakat.

Beliau berkata, perbuatan golongan tidak bertanggungjawab itu tidak boleh dipandang ringan kerana ia mungkin dianggap serius oleh sesetengah pihak.

Sambil menyifatkan perbuatan seperti itu 'sangat nakal' Dr Ling mengingatkan masyarakat supaya tidak membiarkan perkara berkenaan berlaku dan perlu sentiasa berhati-hati serta bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Bagaimanapun, katanya, beliau percaya dengan keupayaan pasukan keselamatan negara ini untuk menangani sebarang masalah yang membabitkan ketenteraman awam.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin yang terbaik, jika tidak orang ini tidak peduli pun untuk mengugut beliau.

"Saya percaya pasukan polis kita sentiasa bersedia menangani masalah yang membabitkan keselamatan awam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Latihan Pengemudi Kapal Star Cruise di Terminal Star Cruise Pulau Indah di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai fitnah yang dilemparkan terhadap pemimpin kerajaan serta seruan supaya orang Islam membunuh, termasuk Perdana Menteri sendiri.

(END)